

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT :

وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ الْحَيَوةُ الدُّنْيَا وَذَكِّرْ بِهِ أَنْ تُبْسَلَ نَفْسٌ  
بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلِيٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِنْ تَعْدِلْ كُلُّ عَدْلٍ لَا يُؤْخَذُ مِنْهَا  
أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا  
يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾

(Surah al-An'am : ayat 70 )

Ayat di atas menjelaskan larangan mempersenda agama.  
Berdasarkan ayat,

(i) Nyatakan maksud kalimah yang bergaris.

[2 markah]

Imam al-Qurtubi berkata :

“Jika seseorang melihat kemungkaran, hendaklah dia memberikan nasihat dan peringatan. Sekiranya nasihat dan peringatan tersebut ditolak, maka tinggalkanlah mereka.”

(ii) Berdasarkan kata-kata di atas, kaitkan kefahaman anda dengan larangan mempersenda agama.

[4 markah]

(iii) Apakah kemungkinan yang akan berlaku sekiranya masyarakat mengabaikan kata-kata tersebut?

[2 markah]

(b) Nyatakan cara wakaf bagi tanda berikut.

[2 markah]

(i) 

(ii) 



(c)


عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ :  
 سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمْ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ : الإمام العادل، وشاب نشأ في عبادة ربه،  
 ورجل قلبه معلق في المساجد، ورجلان تحابا في الله اجتمعا عليه وتفرقا عليه، ورجل  
 طلبته امرأة ذات منصب وجمال فقالت: إني أخاف الله، ورجل تصدق أخفى حتى لا  
 تعلم شماله ما تنفق يمينه، ورجل ذكر الله خاليا ففاضت عيناه.

( متفق عليه )

Hadis di atas menjelaskan tentang tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

Berdasarkan hadis,

- (i) Nyatakan **dua** golongan yang dimaksudkan dalam hadis selain seseorang yang mengingati Allah SWT secara bersendirian sehingga menitikkan air mata. [2 markah]
- (ii) Jelaskan maksud seseorang yang mengingati Allah SWT secara bersendirian sehingga menitikkan air mata. [2 markah]



Gambar A

Gambar B

- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah golongan remaja cenderung memilih cara mengisi masa lapang seperti gambar A? [2 markah]
- (iv) Bagaimana situasi dalam gambar B dapat membentuk masyarakat yang lebih baik. [4 markah]



2 (a) Al-Muntaqim merupakan salah satu daripada nama Allah SWT yang indah.

(i) Nyatakan maksud al-Muntaqim. [2 markah]

(ii) Jelaskan kefahaman mengenai nama Allah SWT bersifat al-Muntaqim. [2 markah]



(iii) Berdasarkan gambar di atas, kaitkannya dengan kesan keimanan terhadap nama Allah SWT al-Muntaqim. [4 markah]

(iv) Pada pandangan anda mengapakah situasi di atas tercatat dalam al-Quran? [2 markah]

(b) Aliran Khawarij adalah bertentangan dengan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah.

(i) Nyatakan sejarah ringkas aliran Khawarij. [2 markah]

(ii) Jelaskan perbezaan pandangan Ahli Sunah Wal Jamaah dan Khawarij tentang isu pelaku dosa besar. [2 markah]

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

“Dari sanalah muncul sekelompok kaum yang membaca al-Quran tidak melebihi kerongkong mereka, mereka keluar dari Islam sebagaimana anak panah keluar dari busurnya.”

(Riwayat al-Bukhari)

(iii) Berdasarkan mafhum hadis di atas, mengapakah aliran ini masih wujud pada akhir zaman? [2 markah]

(iv) Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku dalam masyarakat jika aliran ini tidak dibendung. [4 markah]






3 (a) Ibadah haji menzahirkan ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah SWT.

(i) Senaraikan **dua** jenis haji. [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** persamaan haji dan umrah dari aspek perkara wajib. [2 markah]



(b) (i) Mengapakah ramai dalam kalangan remaja sekarang meremehkan ibadah ketika berlakunya fenomena di atas? [2 markah]

(ii) Bagaimanakah ilmu sains tentang fenomena ini dapat membantu meningkatkan keyakinan terhadap kebesaran Allah SWT? [4 markah]

(c) Pembubaran perkahwinan boleh berlaku sama ada melalui talak, fasakh, khuluk mahupun *lian*.

(i) Nyatakan dua jenis talak. [2 markah]

(ii) Jelaskan kesan *lian*. [2 markah]

Ahmad dan isterinya sering bergaduh. Dalam keadaan marah, Ahmad berkata kepada isterinya, "*Aku ceraikan kau dengan talak tiga!*". Selepas reda, Ahmad menyesal dan ingin kembali rujuk.

(iii) Pada pendapat anda, apakah kesalahan yang dilakukan oleh Ahmad? [2 markah]

(iv) Huraikan implikasi lafaz talak tersebut. [4 markah]



4 (a) Kerajaan Abbasiyah bermula selepas kejatuhan kerajaan Umayyah.

(i) Nyatakan sejarah kerajaan Abbasiyah secara ringkas.

[2 markah]



(ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah usaha tersebut melahirkan masyarakat Islam yang intelek?

[2 markah]

(iii) Huraikan implikasi sekiranya usaha seperti ini tidak diberikan perhatian dalam sistem pendidikan?

[4 markah]

- Lahir di Baghdad pada tahun 164 Hijrah.
- Beliau sentiasa menuntut ilmu walaupun telah mendapat gelaran imam yang masyhur.
- Sanggup dipenjarakan kerana mempertahankan akidah.

(b) (i) Berdasarkan maklumat di atas, siapakah tokoh tersebut?

[1 markah]

(ii) Nyatakan hasil karya beliau dalam tamadun Islam.

[1 markah]

(iii) Sebagai seorang murid, bagaimana anda mengaplikasikan keperibadian tokoh tersebut.

[4 markah]

(iv) Mengapakah sikap di atas wajar dijadikan teladan oleh generasi muda?

[2 markah]

(c) Salahuddin al-Ayubi telah mengembalikan semula pegangan akidah Ahli Sunah Wal Jamaah dalam sistem pendidikan.

(i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Salahuddin al-Ayubi.

[2 markah]

(ii) Jelaskan sumbangan Salahuddin al-Ayubi dalam bidang pentadbiran.

[2 markah]

5 (a) Wasatiyah menjamin kecemerlangan umat.

(i) Nyatakan maksud wasatiyah dari aspek kesederhanaan. [2 markah]

(ii) Terangkan hikmah melaksanakan prinsip wasatiyah. [2 markah]



(iii) Mengapa umat Islam perlu mengamalkan sifat ini dalam kehidupan seharian. [2 markah]

(iv) Sebagai seorang murid, bagaimana anda mempraktikkan sifat di atas. [4 markah]

(b) Antara sifat mazmumah yang dilarang dalam Islam seperti *riyak*, *ujub* dan hasad.

(i) Nyatakan maksud *ujub*. [2 markah]

(ii) Jelaskan dua cara meninggalkan sifat mazmumah. [2 markah]

"Seperti api dalam sekam"

(iii) Apakah faktor yang menyebabkan seseorang itu sukar untuk meninggalkan sifat ini dalam diri? [2 markah]

(iv) Huraikan kesan yang akan berlaku sekiranya sifat ini dibiarkan menular tanpa kawalan. [4 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**